

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.10.2016

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang perlu ditanggung oleh Kerajaan akibat mengambil alih tanggungan 1MDB selepas 1MDB dibubarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Hutang 1MDB akan ditanggung oleh syarikat melalui penjualan aset dan pembangunan hartanah selaras dengan pelaksanaan Pelan Rasionalisasi. Sehingga Pelan Rasionalisasi dimuktamadkan, tiada sebarang rancangan untuk membubarkan 1MDB.

Segala butiran hutang 1MDB serta unjuran dan anggaran sumber dan penggunaan perbelanjaan dana tersebut (*estimated and projected sources and uses of funds*, dengan izin) boleh didapati di dalam Jadual 10, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).